SIAPAKAH YANG LAYAK MENERIMA QURBAN ?

Oleh : akhukum fillah afif Isyraf hanif bin adnan

1. DEFINISI QURBAN

Qurban (أضحية) dari segi bahasa berasal daripada perkataan Arab qarraba yang bermaksud mendekatkan.

Dari sudut istilah syarak, qurban ialah penyembelihan binatang ternakan yang dilakukan pada hari raya Aidiladha dan hari-hari Tasyriq (11, 12, dan 13 Zulhijjah) dengan tujuan beribadah dan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Ibadah qurban adalah antara ibadah yang sangat dianjurkan sekali dalam syariat islam , Allah berfirman di dalam Al – quran :

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَانْحَرْ

" Maka dirikanlah solat kerana Tuhanmu dan berqurbanlah."

(Surah al-Kauthar, ayat 2)

Imam Al- qurtubi menyebutkan dalam tafsirnya bahawa yang dimaksud dengan وَانْحَرْ disini adalah menyembelih haiwan qurban . (Tafsir qurtubi , juz 20 ms 218)

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh sayyidatina Aisyah , Rasulullah SAW bersabda :

« مَا عَمِلَ آدَمِيٌّ مِنْ عَمَلٍ يَوْمَ النَّحْرِ أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ مِنْ إِهْرَاقِ الدَّمِ، إِنَّهُ لَيَأْتِي يَوْمَ القِيَامَةِ بِقُرُونِهَا وَأَشْعَارِهَا وَأَظْلَافِهَا، وَأَنَّ الدَّمَ لَيَقَعُ مِنَ اللَّهِ بِمَكَانٍ قَبْلَ أَنْ يَقَعَ مِنَ الأَرْضِ، فَطِيبُوا بِهَا نَفْسًا »

" Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak Adam pada Hari Nahar (10 Zulhijjah) yang lebih Allah sukai selain daripada menumpahkan darah (binatang korban). Sesungguhnya ia (binatang korban itu) akan datang pada Hari Kiamat dengan tanduknya, bulunya dan kukunya. Dan sesungguhnya darah itu akan jatuh pada satu tempat di sisi Allah sebelum ia jatuh ke bumi. Maka relakanlah (berkorban) dengan hati yang tenang "

(Hadis riwayat al-Tirmizi, no. 1493)

Dari sini dapat difahami bahawa qurban bukan sekadar penyembelihan biasa, tetapi ia adalah ibadah yang mendekatkan diri kepada Allah, dan sebagai lambang ketakwaan sebagaimana kisah Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail ‘alaihima al-salam.

2 . HUKUM MENYEMBELIH QURBAN

Jumhur ulama’ berpandangan bahawa menyembelih qurban hukumnya Sunnah , bahkan di dalam mazhab syafie ianya sunnah muakkadah (Sunnah yang sangat ditekankan) , ulama’ yang mengatakan ianya sunnah berdalil dengan hadis yang diriwayatkan oleh sayyidatina ummi salamah :

« إِذَا رَأَيْتُمْ هِلَالَ ذِي الْحِجَّةِ وَأَرَادَ أَحَدُكُمْ أَنْ يُضَحِّيَ، فَلْيُمْسِكْ عَنْ شَعَرِهِ وَأَظْفَارِهِ »

"Apabila kamu melihat anak bulan Zulhijjah dan salah seorang daripada kamu berkeinginan untuk melakukan korban, maka hendaklah dia menahan diri (tidak memotong) rambut dan kukunya."

(Sahih muslim , no . 1977 , juz 6 ms 83)

Di dalam hadis ini , perlaksanaan korban dikaitkan dengan kehendak orang yang ingin melaksanakannya , maka keterkaitan itu telah menafikan wajibnya berqurban . (fiqhul islami wa adillatuhu , juz 4 ms 2704)

3. ANJURAN MENGAGIHKAN DAGING QURBAN DAN SIAPAKAH YANG LAYAK MENERIMANYA ?

Islam sangat menekankan keperluan untuk mengagihkan daging qurban kepada golongan yang memerlukan. Dalil dari al-Quran:

فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْقَانِعَ وَالْمُعْتَرَّ

“Maka makanlah sebahagian daripadanya (haiwan qurban itu), dan berikanlah kepada orang yang tidak meminta dan orang yang meminta.”

(Surah al-Hajj, 22:36)

Dalam ayat ini, Allah SWT menyebut dua golongan yang berhak menerima daging qurban:

- Al-Qāni‘: Orang yang tidak meminta-minta.
- Al-Mu‘tarr: Orang yang meminta kerana sangat memerlukan.

Imam Ibnu Kathir menyebut dalam Tafsir al-Qur’an al-‘Azim bahawa ayat ini menunjukkan bahawa daging qurban boleh dimakan oleh tuannya, boleh dihadiahkan, dan juga wajib diberikan kepada fakir

miskin. Ini menjadi dalil bahawa fakir miskin adalah golongan utama yang harus menerima daging qurban.

Hadis Nabi SAW turut memperkuat hal ini :

فَكُلُوا وَادَّخِرُوا وَتَصَدَّقُوا

“ Makanlah sebahagiannya, simpanlah sebahagiannya, dan sedekahkanlah sebahagiannya ”

(Hadis riwayat imam Muslim , No. 1971)

Dalam syarahan hadis ini, Imam al-Nawawi menyebut dalam Syarh Sahih Muslim bahawa tindakan terbaik adalah membahagikan daging qurban kepada tiga bahagian :

فأما الصدقة منها إذا كانت أضحية تطوع فواجبة على الصحيح عند أصحابنا بما يقع عليه الاسم منها ، ويستحب أن يكون بمعظمها ، قالوا : وأدنى الكمال أن يأكل الثلث ويتصدق بالثلث ويهدي الثلث

1. Sepertiga untuk dimakan oleh orang yang berqurban .
2. Sepertiga untuk dihadiahkan kepada kerabat atau sahabat .
3. Sepertiga lagi untuk disedekahkan kepada fakir miskin .

(syarah sahih muslim , juz 7 ms 148)

Dalam hadis yang lain juga menyatakan perkara yang sama , bahkan menguatkan bahawa orang yang meminta pun layak untuk menerima daging qurban serta daging qurban itu boleh dijadikan makanan kepada ahli keluarga yang menyembelih :

وَيُطْعِمُ أَهْل بَيْتِهِ الثُّلُثَ ، وَيُطْعِمُ فُقَرَاءَ جِيرَانِهِ الثُّلُثَ ، وَيَتَصَدَّقُ عَلَى السُّؤَال بِالثُّلُثِ

“ Dijadikan makanan untuk ahli keluarga sebanyak satu pertiga, diberikan kepada jiran yang fakir sebanyak satu pertiga, dan disedekahkan kepada para peminta-minta sebanyak satu pertiga ”

PERBAHASAN ULAMA MENGENAI PEMBAHAGIAN DAGING QURBAN

Dalam Mazhab Syafi’i, pembahagian daging qurban bergantung kepada jenis qurban:

a. Qurban Wajib (seperti nazar)

Menurut Mazhab Syafi’i, daging qurban wajib (nazar) tidak boleh dimakan oleh orang yang berqurban dan seluruhnya mesti diberikan kepada fakir miskin.

b. Qurban Sunat

Bagi qurban sunat, Mazhab Syafi'i berpendapat bahawa adalah sunat untuk orang yang berqurban makan sebahagian daripada daging tersebut, dan sunat juga disedekahkan kepada fakir miskin.

Ulama Syafi'iyyah juga menyarankan agar fakir miskin menjadi keutamaan dalam pengagihan. Bahkan menurut al-Taqrirat al-Sadidah fi Masail al-Mufidah, mereka menegaskan bahawa:

Yang paling afdhal adalah menyedekahkan kesemua daging kurban itu dan hanya memakan sesuap atau dua suapan darinya kerana mengambil berkat .

(Taqrirat as – sadidah fi masail al – mufidah qism al – jinayat ila itqi , ms 70)

Bahkan Imam Nawawi mengatakan daging qurban boleh diserahkan kepada orang kaya : وله الأكل من أضحية تطوع وإطعام الأغنياء لا تمليكهم

" Dan diperbolehkan makan daripada qurban sunnah dan memberikan makan kepada orang – orang kaya (sebagai bentuk sedekah) tapi tidak boleh menyerahkan kepemilikan daging tersebut kepda mereka "

Kesimpulan

Berdasarkan al-Quran, hadis, dan pendapat para ulama khususnya dalam Mazhab Syafi'i, dapat disimpulkan bahawa:

- Fakir miskin adalah golongan yang paling utama menerima daging qurban, berdasarkan ayat Surah al-Hajj dan hadis Nabi SAW.
- Daging qurban sunat boleh dimakan oleh orang yang berqurban dan dihadiahkan kepada orang kaya, tetapi keutamaan adalah kepada yang memerlukan.
- Bagi qurban wajib (nazar), seluruhnya wajib disedekahkan kepada fakir miskin dan tidak boleh dimakan oleh orang yang berqurban.

Semoga kita dapat melaksanakan ibadah qurban dengan sebaiknya dan menyalurkan manfaatnya kepada mereka yang paling memerlukan.